

GEOGRAFI DIALEK BAHASA LAMPUNG DI WILAYAH SUMATERA BAHAGIAN SELATAN

Sudirman AM.

Abstrak

Penelitian geografi dialek bahasa Lampung ini bertujuan untuk mendeskripsikan variasi fonologi, morfologi, dan leksikon bahasa Lampung berdasarkan kajian geografi dialek dengan pendekatan kualitatif dan kuantitatif melalui perbandingan dengan bahasa Minangkabau, Semende, dan Ogan; menetapkan dialek atau subdialek bahasa Lampung dan menetapkan daerah sebaran unsur-unsur relic dan inovasi melalui pemetaan bahasa Lampung secara diakronik. Untuk mencapai tujuan tersebut, *kaedah lapangan tinjauan berserta* digunakan dan teknik pemecahan masalah pula dilakukan pada tiga tahap, yaitu tahap penyediaan data yang dilakukan dengan *kaedah wawancara langsung dan pengamatan berserta*, diikuti dengan pencatatan/perakaman satuan lingual yang dituturkan informan; tahap analisis data yang dilakukan dengan *kaedah padan*, dan tahap penyajian hasil analisis data yang dilakukan dengan dua versi, yaitu hasil penelitian dideskripsikan dalam bentuk kata-kata atau kalimat biasa; dan perolehan (sub)dialek dialihgantikan dengan lambang-lambang dalam pemetaan.

Abstract

The geographical research on Lampung Language dialects aim to describe the shape of Lampung Language phonology, morphology and lexicon based on geographical research on dialects under quantitative and qualitative through comparison with the Minangkabau, Semende, and Ogan languages, to determine Lampung Language dialects or sub dialects by employing quantitative and qualitative methods, and to determine areas of distribution of relic and innovative elements

through mapping Lampung Language diachronically. In order to achieve the aims, participatory field observation method was used which included three stages of resolution, i.e. stage one of data provision conducted through direct interview and participatory observation followed by recording and taking notes on the linguistic unit uttered by informants. Stage two of data analysis by using comparative method; and the stage of presentation of result of analysis which were undertaken by presenting (a) result of research described in the forms of words or sentences and (b) (sub)dialects results transformed into symbols in the mapping.

PENDAHULUAN

Kajian geografi dialek yang dilakukan di Indonesia belum sepadan dengan banyaknya bahasa daerah yang ada, kerana hingga tahun 1990, baru terdapat 15 buah buku, hasil penelitian geografi dialek yang berjaya diterbitkan (Lauder, 1990:31). Hakikat ini telah menggerakkan Pusat Bahasa yang bekerja sama dengan Fakultas Sastra Universitas Indonesia dan Politeknik Institut Teknologi Bandung, memetakan bahasa-bahasa daerah di Indonesia pada 1992. Dalam masa terakhir ini, jumlah bahasa atau dialek berkisar antara 200 – 700 yang dihasilkan dengan selera, cara pandang, dan rujukan yang berbeza. Tentu sahaja sudut pandang, rujukan, teori, dan sarana penelitian yang berbeza turut mempengaruhi hasil yang dicapai (Lauder *et al.*, 2000:v). Maklumat seperti ini mengisyaratkan bahawa penelitian dari sisi-sisi tertentu yang belum dilakukan oleh Pusat Bahasa atau pihak lain memungkinkannya untuk dilakukan.

Penelitian bahasa Lampung (BL) yang dilakukan ini dilihat dari perspektif geografi. Secara geografi, bahasa-bahasa di Sumbagsel menunjukkan sifat heterogen yang diperlihatkan oleh banyaknya anak suku bangsa sebagai penutur bahasa di wilayah ini. Di bahagian utara Sumbagsel, banyak didominasi oleh penutur bahasa Melayu Palembang, seperti bahasa Semende, dan Ogan. Bahagian selatan pula banyak didominasi oleh penutur bahasa Melayu Jakarta; ditambah lagi di Lampung Barat dan sekitarnya banyak dipengaruhi oleh bahasa Minangkabau pada masa silam. Selain itu, ada daerah Kantong penutur bahasa Semende, dan wilayah transmigrasi yang terdiri daripada penutur bahasa Jawa, Sunda, Bali, dan lain-lain. Sedangkan penutur BL asli itu sendiri tersebar secara merata di Sumbagsel yang dianggarkan hanya sekitar 30% daripada semua populasi penduduknya yang cenderung untuk

menjadi kelompok minoriti di wilayah ini. Dengan demikian, penutur bahasa di Sumbagsel terdiri daripada bermacam-macam kelompok etnik dengan latar belakang budayanya yang beragam. Di wilayah ini, mereka menggunakan bermacam-macam bahasa dengan aneka dialektanya (Sudrajat, 1987:3).

Bahasa Lampung yang agak homogen itu tersebar secara merata di Sumbagsel, di bahagian utara, penuturnya banyak melakukan kontak dengan penutur bahasa dan budaya Melayu Palembang sejak masa Sriwijaya, dan di bahagian selatan banyak melakukan kontak dengan penutur bahasa dan budaya Melayu Jakarta sejak zaman kemerdekaan Republik Indonesia. Dalam kenyataannya, BL dominan digunakan dalam ranah rumah tangga, kelompok etnik, dan kegiatan tradisi adat di desa-desa. Penutur BL lebih suka menggunakan bahasa Melayu (Indonesia) terhadap rakan tutur di luar kelompok etniknya, baik terhadap rakan tutur yang berbeza dialek sesama penutur BL, mahupun rakan tutur yang berada di luar etniknya. Sehingga BL tidak banyak diketahui fungsi dan kedudukannya bagi pendatang baharu di wilayah ini (Junaiyah, 1999; Gunarwan, Asim, 1999).

Lama sebelum kerajaan Sriwijaya berkuasa di seantero Nusantara ini pada abad ketujuh, orang Lampung dari Skalaberak telah beremigrasi dan mendirikan kerajaan Tulangbawang pada abad keempat. Mereka mempunyai persekutuan adat Lampung yang dikukuhkan pada abad kelapan pada masa keratuan, yakni keratuan *Dipuncak*, *Pemanggilan*, *Pugung*, *Balau*, dan *Darah Putih*. Sekalipun mereka berasal dari Skalaberak yang sama, mereka hidup dalam persekutuan adat di wilayah geografi yang berbeza-beza, masing-masing kelompok etnik itu menggunakan dialektanya sendiri-sendiri. Untuk kepentingan komunikasi antarkelompok marga, lazimnya mereka menggunakan bahasa Melayu/Indonesia sebagai suatu amalan, sekali gus untuk menjaga perpaduan sesama penduduk asli dan pendatang yang bermukim di wilayah ini, yang sepadan dengan lambang daerah Lampung *Sang Bhumi Ruwa Jurai* hingga sekarang (Walker, 1975:11).

Gambaran mengenai variasi kebahasaan BL itu pada mulanya diperikan oleh Van der Tuuk (1872) yang dalam penelitian awalnya hanya meliputi empat wilayah titik pengamatan, iaitu Aboeng, Peminggir, Boemi Agoeng, dan Pubiyan di Sumbagsel Tengah, Bahagian Selatan. Dalam perkembangan selanjutnya, pandangan Van Royen (1930) dari segi hukum adat dominan mempengaruhi pandangan Van der Tuuk. Kemajuan dalam bidang kajian hukum adat Lampung yang dilakukan Van Royen memanfaatkan hasil kajian dialektologi Van der Tuuk, kemudian

mempengaruhi juga pandangan Hadikusuma sebagai budayawan dan ahli hukum adat Lampung.

Pandangan yang lebih dominan dipengaruhi oleh kajian budaya dan hukum adat Lampung tersebut telah dianuti oleh sejumlah masyarakat, walaupun persebaran variasi BL belum dikaji berdasarkan geografi dialek yang sistematis melalui pendekatan dialektologi. Pandangan ini penting, kerana pendapat yang dikemukakan oleh ketiga-tiga perintis bahasa dan budaya Lampung itu dianuti oleh sebahagian besar masyarakat akademik hingga kini.

Penelitian khusus dalam bidang linguistik deskriptif tentang BL telah mendapat perhatian para sarjana, baik sarjana Indonesia mahupun Barat. Namun penelitian yang lebih dominan mengenai deskripsi struktur BL itu tidak banyak memberikan informasi tambahan mengenai persebaran variasi BL itu sendiri.

Dalam penelitian ini, perhatian terhadap sebaran variasi-variasi BL dikaji secara sistematis dan mendalam berdasarkan pendekatan yang lazim dilakukan dalam geografi dialek moden. Penelitian ini merupakan babakan baharu dalam kajian dialektologi BL kerana titik pengamatan (TP) yang diteliti hampir seluruh wilayah BL. Hasil kajian linguistik yang dilakukan Van der Tuuk ditinjau kembali dengan pendekatan kajian dialektologi moden, kerana kajian Van der Tuuk masih bersifat sekilas dan belum memanfaatkan teori dan metodologi baharu bidang geografi dialek.

TUJUAN PENELITIAN

Tujuan penelitian ini dapat dijabarkan ke dalam dua bahagian, yakni tujuan penelitian geografi dialek BL secara umum dan khusus, secara umumnya adalah untuk mengkaji persebaran BL secara kualitatif dan kuantitatif di wilayah Sumbagsel. Manakala tujuan khususnya pula adalah untuk mendeskripsikan wujudnya fonologi, morfologi, dan leksikon BL berdasarkan kajian geografi dialek dengan pendekatan kualitatif dan kuantitatif melalui perbandingan dengan bahasa Minangkabau, Semende, dan Ogan; menetapkan dialek atau subdialek BL dengan pendekatan kaedah kualitatif dan kuantitatif, dan menetapkan daerah-daerah sebaran unsur-unsur relik dan inovasi melalui pemetaan BL secara diakronik.

KERANGKA TEORI

Geografi linguistik merupakan subbahagian daripada dialektologi: yang

diperhatikan geografi linguistik adalah distribusi variasi bahasa regional dan elemen-elemennya yang khusus. Biasanya, geografi linguistik ini bertujuan untuk memperlihatkan distribusi seperti itu di atas peta, dan juga menentukan sebab-sebab pendistribusian geografi (variasi bahasa regional dan elemen-elemennya) yang khusus (Petyt, 1980:30). Selanjutnya Ayatrohaedi menjelaskan bahawa tujuan penelitian geografi dialek antara lain menetapkan ruang lingkup gejala kebahasaan. Gejala-gejala tersebut dikelompokkan dan dipaparkan ciri-ciri dialeknnya, kemudian ciri-ciri dialek itu dicari isoglosnya yang menghubungkan batas-batas dialek atau bahasa dengan batas-batas alam mahupun sejarah (Ayatrohaedi, 1983:30).

Untuk mengkaji bahasa dalam sesuatu wilayah, perlu ditetapkan variasi-variasi bahasa dalam suatu batas (sub)dialek yang berasaskan teori pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Melalui pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah isoglos, dapat ditetapkan batas-batas (sub)dialeknnya, sedangkan melalui pendekatan kuantitatif pula dapat ditetapkan status isoleknnya.

Selanjutnya, kajian geografi dialek dapat dilakukan secara sinkronik dan diakronis (Nothofer, 1987). Secara sinkronik, penelitian dialek itu mempunyai tiga tujuan penting, iaitu deskripsi varian fonologi, morfologi, sintaksis, leksikal, dan semantik; dilanjutkan dengan pemetaan varian-varian itu; deskripsi keadaan dialek, pengenalan dialek dan pengelompokan dialek berdasarkan varian-varian tersebut; dan mengungkapkan aspek sosiolinguistik, misalnya kontras antara dialek kota dengan dialek desa, pengaruh dialek pusat kebudayaan atas dialek lain (Ibid).

Tujuan diakronik penelitian dialek dapat dilakukan dengan rekonstruksi bahasa purba terhadap dialek-dialek bahasa yang diteliti; menelusuri sebaran bahasa purba dalam perspektif dialek geografinya; rekonstruksi sejarah daerah yang diteliti; menjelaskan pengaruh dialek standard sebagai pusat kebudayaan terhadap dialek-dialek yang lainnya; menjelaskan pengaruh bahasa yang berdekatan terhadap dialek yang lebih pinggir dan lebih penting; menganalisis dialek-dialek ke dalam dialek purba dan pembaharuan, kerana setiap dialek itu mempunyai pengejalan dan inovasi (Ibid).

Konsep-konsep teoretis di atas, dalam kajian ini dijadikan acuan sesuai dengan kondisi kebahasaan BL yang berlaku di Sumbagsel. Selanjutnya, dapat dikenal pasti wujudnya variasi BL yang terkait dengan persebaran (sub)dialek BL yang ada hubungannya dengan kerangka teori penelitian ini.

CARA PENELITIAN

Cara penelitian geografi dialek BL di Sumbagsel ini dilakukan pada populasi dan sampel penelitian, wilayah pengamatan, wilayah TP, menggunakan informan penelitian, alat penelitian, dan kaedah penelitian.

Populasi dan Sampel Penelitian

Populasi penelitian ini terdiri daripada semua ujaran yang digunakan oleh penutur BL yang menetap di wilayah Sumbagsel. Sampel populasinya ditentukan secara persampelan bertujuan. Persampelan bertujuan merupakan teknik pengambilan sampel populasi dengan tujuan tertentu berdasarkan syarat-syarat yang harus dipenuhi (C.F. Arikunto, 1985:98; Kerlinger, 1998:206). Dalam penelitian ini, Persampelan bertujuan dipergunakan untuk menentukan wilayah pengamatan, penentuan titik pengamatan (TP), dan informan yang dijadikan sumber data dalam penelitian BL yang dijalankan ini.

Wilayah Pengamatan Bahasa Lampung

Wilayah pengamatan penelitian BL di Sumbagsel ini berada di wilayah pentadbiran Provinsi Lampung dan sebahagiannya di wilayah pentadbiran Provinsi Sumsel, persentuhan wilayah bahasa dan budaya Melayu dan Lampung, kekerabatan masyarakatnya dominan diikat oleh pertalian hukum adat setempat. Oleh sebab itu, dalam penetapan titik pengamatan, perlu diperhitungkan sebaran isolek yang merata, tanpa mengabaikan keragaman isolek yang saling dapat memahami antara penuturnya (C.F. Lauder, 1990:47). Berdasarkan pertimbangan tersebut, penelitian ini menetapkan 30 TP sebagai sampel penelitian, setiap TP diupayakan perolehan data asli dalam penelusuran (sub)dialeknya. Unsur data asli bahasa itu pada umumnya dapat dijumpai di daerah pedusunan. Dipilih daerah pedusunan sebagai TP supaya diperoleh data dialek yang murni. Penentuan ini didasarkan kepada anggapan daerah seperti itu merupakan penyimpan dan pemelihara anasir bahasa yang masih murni, kuno, dan kadang-kadang memperlihatkan ciri-ciri istimewa (Ayatrohaedi, 1983: 38).

Wilayah pengamatan yang ditentukan sebagai TP dipilih daripada desa-desa yang representatif, berdasarkan kriteria yang dapat diterapkan, misalnya daerah pengamatan itu tidak berdekatan dengan kota; mobiliti penduduk rendah; jumlah maksimum penduduknya sekitar 6000 orang;

usia minimum desa 30 tahun. Dalam penelitian geografi dialek ini, kriteria ini diterapkan kerana penelitian dialektologi di samping mementingkan pemakaian isolek yang agak homogen, juga mementingkan pemakaian isolek yang beragam (Mahsun,1995:102). Kriteria serupa ini bermanfaat dalam menemukan unsur data asli seperti isolek-isolek BL yang perlu ditelusuri di wilayah TP.

Wilayah Titik Pengamatan

Wilayah TP dalam penelitian dialek ditentukan sesuai dengan keperluan data penelitian (Mahsun,1995:102). Penentuan tersebut adalah untuk dideskripsikan ciri-ciri dialek BL yang dipakai oleh para penuturnya. Untuk memudahkan analisis data isolek, diberikan nombor urutan. Sifat penentuan nombor TP ada yang dilakukan dengan cara melingkar ke dalam dan ke luar (Mahsun, 1995:104). Dalam penelitian ini, cara yang diterapkan ialah cara yang melingkar ke luar tanpa mengabaikan teknik permutasi segi tiga dialektometri pada sejumlah 30 TP. Setiap TP dipilih desa yang representatif (C.F. Lauder, 1990:141).

Setiap desa yang dikenal pasti sebagai TP akan menentukan informan sebagai sumber data untuk perolehan tuturan satuan lingual informan BL. Informan dapat ditentukan berdasarkan kriteria, dan tuturan satuan lingual informan, dapat dijaring berdasarkan alat penelitian.

Informan Penelitian

Informan penelitian diperlukan sebagai sumber data primer, informan sebagai sumber data primer dapat memberikan data satuan lingual. Satuan lingual yang disampaikan informan dapat diketahui dan diteliti sebagaimana bahasa itu dituturkan, apakah ertinya, dan bagaimana bahasa tersebut digunakan (Samarin,1988:34). Ketentuan ini diterapkan dalam penelitian untuk diketahui bagaimana BL dituturkan oleh informan. Setiap TP dalam penelitian ini menetapkan tiga orang informan untuk menguji kesahan data satuan lingual informan sebagai responden data primer. Data primer yang telah disediakan di samping diketahui dan diteliti, juga ditelusuri dan diuji dengan teknik triangulasi untuk perolehan data yang sah.

Informan dalam penelitian ini ditetapkan berdasarkan kriteria: berusia antara 25–65 tahun, tidak pelupa, dan alat pertuturannya masih sempurna; orang tua, suami, atau isteri informan lahir dan dibesarkan

di desa itu serta jarang meninggalkan desanya; berpendidikan, maksimum tamat pendidikan dasar (SD-SLTP); bekerja sebagai petani atau buruh tani; dapat berbahasa Indonesia; status sosial informan dari golongan menengah ke bawah (Fernandez, 1992:25). Setelah informan ditetapkan dan memenuhi kriteria, informan sebagai responden dapat memberikan tuturan satuan lingualnya melalui pengamatan partisipasi atau wawancara semuka menggunakan daftar pertanyaan sebagai alat penelitian.

Alat Penelitian

Salah satu alat penelitian yang lazim digunakan dalam penelitian geografi dialek ialah daftar pertanyaan. Dalam aplikasinya, daftar pertanyaan harus dilengkapi dengan hasil pengamatan dan hasil wawancara bersemuka. Untuk melengkapi berbagai-bagai informasi dialek yang diteliti, tetap digunakan pancingan-pancingan di luar data tersebut (Fernandez, 1993:3; Samarin, 1988:162). Daftar pertanyaan itu digunakan untuk menjaring tuturan satuan lingual informan yang berfungsi sebagai instrumen penelitian dialek, pada aspek fonologi, morfologi, leksikon, sintaksis, dan semantik BL setiap TP. Perlakuan instrumen penelitian dialek untuk 30 TP tertera pada peta dasar yang diringkaskan daripada peta Sumbagsel.

Kaedah Penelitian

Kaedah penelitian yang digunakan dalam penelitian ini ialah kaedah lapangan pengamatan berserta (Trudgill, 1984:41). Teknik pemecahan masalahnya dibahagi kepada tiga tahap, yakni tahap penyediaan data, tahap analisis data, dan tahap penyajian hasil analisis data (Sudaryanto, 1993:133). Ketiga-tiga tahap teknik pemecahan masalah serupa itu, dalam penelitian ini diterapkan dan dapat dijelaskan satu per satu sebagai yang berikut:

(1) Kaedah dan Teknik Penyediaan Data

Kaedah penyediaan data yang digunakan dalam penelitian ini dilakukan dengan kaedah kualitatif, yakni penelitian lapangan dengan kaedah dialektologi pupuan lapangan (Ayatrohaedi, 1983:24). Dalam pelaksanaannya, dilakukan wawancara langsung dan pengamatan berserta yang diikuti dengan pencatatan atau perakaman terhadap satuan lingual

yang dituturkan oleh informan. (C.F. Ayatrohaedi, 1983:34). Konsep ini diterapkan untuk perolehan data satuan lingual informan yang diperoleh melalui pencatatan atau perakaman setiap TP. Perolehan data diteliti, dicermati, dan diuji kesahannya melalui uji triangulasi untuk kesahihan pembuktian BL.

(2) Kaedah dan Teknik Analisis Data

Analisis data dalam penelitian ini memanfaatkan *kaedah kualitatif* dan *kuantitatif*. Dengan kaedah kualitatif, data sinkronik dan diakronik dapat dianalisis. Data sinkronik dianalisis dengan *kaedah padan* dengan teknik dasar, teknik *pilah unsur penentu* disertai teknik *hubung banding membezakan* dan teknik *hubung banding menyamakan* dimanfaatkan sebagai teknik lanjutannya (Mahsun, 1995:135). *Kaedah padan* dilakukan dengan cara memadankan satuan lingual informan antara TP, kemudian satuan lingual itu dipilah antara TP yang memiliki kemiripan-kemiripan bunyi dengan *teknik pilah unsur penentu*. Setelah dilakukan pemilahan, satuan lingual berupa leksikon antara TP yang memiliki variasi unsur bunyi kognatnya digunakan *teknik hubung banding membezakan*, dan *teknik hubung banding menyamakan*; sebagai aplikasi kaedah padan dalam analisis sinkronik

Analisis sinkronik dengan kaedah padan serupa ini dapat dilakukan secara luaran dan dalaman. Secara luaran, analisis komparatif dilakukan antara BM dengan BL, dilanjutkan dengan perhitungan uji kesamaan antara leksikon dengan perhitungan leksikostatistik; dan secara dalam, analisis komparatif dilakukan antara TP BL dilanjutkan dengan perhitungan uji beda antara leksikon dengan perhitungan Dialektometri, setelah analisis komparatif dilakukan secara kualitatif.

Secara kualitatif pada tahap awal, data hasil catatan/rakaman dan transkripsi fonetik BL dimanfaatkan berdasarkan hasil pupuan lapangan. Perolehan data setiap TP diklasifikasikan untuk dilihat setiap unsur satuan lingual informan, baik dalam bidang fonologi, morfologi, mahupun leksikon. Kemudian data yang berbeza tersebut dideskripsikan dalam bentuk jadual yang sesuai dengan keperluan.

Pengisian peta dengan memerikan data secara keseluruhan yang menarik dilakukan dengan sistem lambang, iaitu dialihgantikan dengan lambang tertentu yang menarik. Berian yang sama dengan perbezaan kecil diberikan lambang yang sama, sedangkan berian yang berbeza digunakan lambang yang berbeza pula.

Analisis terhadap situasi pemakaian perbezaan satuan lingual BL, selalu bertumpu pada peta dasar yang ada. Situasi perbezaan lingual yang tergambar lewat garis isoglos digunakan untuk mengelompokkan isolek atas (sub)dialek secara sinkronis.

Setelah semua pendeskripsian sinkronik dilakukan, dilanjutkan dengan perhitungan secara luaran dan dalaman sebagai realisasi daripada aplikasi kaedah padan dan seterusnya diikuti teknik yang selanjutnya. Dengan memadankan satuan leksikon melalui instrumen 200 kata dasar Swadesh yang dianalisiskomparatifkan antara BM dengan BL, semua persamaan antara leksikon dengan mengabaikan aspek fonologi dan morfologinya dihitung peratusannya dengan perhitungan Leksikostatistik. Hasil peratusan Leksikostatistik tersebut dirujukkan dengan kriteria kekerabatan seperti yang di bawah ini:

<i>dialek bahasa</i>	81–100%,
<i>bahasa keluarga</i>	36–81%,
<i>keluarga serumpun</i>	12–36%,
<i>rumpun mikrofilum</i>	04–12%,
<i>mikrofila mesofilum</i>	01–4%,
<i>mesofila nakrofilum</i>	00–1%

(Crowley, 1987:192).

Sedangkan perhitungan secara dalaman dengan memadankan satuan leksikon melalui instrumen 200 kata dasar Swadesh yang dianalisiskomparatifkan antara TP, semua perbezaan antara leksikon yang mengabaikan aspek fonologi dan morfologinya dihitung peratusannya dengan rumus

$$\frac{(S \times 100)}{n} = d \%$$

Keterangan:

- s* = jumlah beza dengan daerah pengamatan lain.
n = jumlah peta yang diperbandingkan.
d = perbezaan kosa kata dalam peratusan.

Perolehan hasil perhitungan peratusan dialektometri itu dilanjutkan dengan penentuan hubungan antara TP dengan kriteria perbezaan leksikon,

untuk menentukan sama ada antara TP itu berada pada salah satu daripada rentangan kriteria yang berikut:

- 00 – 20% = tidak berbeza;
- 21 – 30% = beza bicara;
- 31 – 50% = beza subdialek;
- 51 – 80% = beza dialek; dan
- 81 – 100% = beza bahasa

(Lauder,1993:145).

Setelah dilakukan perhitungan peratusan dialektometri antara TP dengan mempertimbangkan teknik permutasi segi tiga dialektometri, hasilnya berada pada salah satu rentangan kriteria di atas, kemudian sejumlah 30 TP dihitung dan dikelompokkan berdasarkan masing-masing rentangan tersebut, maka dapat diketahui pengelompokan isolek-isolek bahasa yang diteliti.

Data BL diakronik dianalisis dengan kaedah “atas bawah” dengan mengamati refleks Proto Austronesia terhadap dialek-dialek BL untuk menguji keterangan beberapa pendapat BL turunan daripada Proto Austronesia (*PAN), kemudian dilanjutkan dengan pengenalpastian wilayah unsur relik dan inovasinya.

(3) Pemaparan Hasil Analisis Data

Pemaparan hasil analisis data dalam penelitian ini disajikan dalam dua versi, iaitu dalam bentuk kata-kata atau kalimat biasa; dan dalam bentuk lambang-lambang (C.F. Sudaryanto, 1993:118). Penyajian hasil analisis data penelitian serupa itu, dalam penelitian ini dapat dilakukan dengan cara mendeskripsikan kata-kata atau kalimat hasil peneltian; dan mendeskripsikan isolek berupa (sub)dialek yang dialihgantikan dalam bentuk lambang-lambang dalam pemetaan sebagai hasil penelitian geografi dialek BL.

HASIL PENELITIAN

Penelitian ini telah dihasilkan dengan deskripsi variasi dialektal BL di Sumbagsel dalam bidang fonologi, morfologi, dan leksikon berdasarkan kajian geografi dialek dengan pendekatan secara kualitatif dan kuantitatif melalui perbandingan dengan bahasa Minangkabau, Semende, dan Ogan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1a, 1b dan 1c yang berikut:

Jadual 1a Korespondensi unsur bunyi bahasa Minangkabau dan BL.

Bahasa Minangkabau	Bahasa Lampung	Unsur Bunyi		Glos Bahasa Indonesia
		Serapan	Pinjaman	
a. Pada posisi antepenul tima terbuka [bɔburu]	[bɔbuRu] [bɔbuReu]	[ə] [ə]	- -	'berburu' 'berburu'
b. Pada posisi awal [abu] [anau]	[habu] [hanau]	- -	- -	'abu' 'enau'
c. Pada posisi antarvokal [awan] [(a)paʔ]	[aban] [ubaʔ]	[b] [b]	[awan] [(b)apaʔ]	'awan' 'ayah'
d. Pada posisi akhir [gigiʔ] [liliʔ]	[gigit] [lilit]	[t] [t]	[gigiʔ] [liliʔ]	'gigit' 'lilit'
e. Pada posisi ultima tertutup [upieʔ] [silieʔ]	[upeʔ] [sileʔ]	[e] [e]	- -	'anak wanita' 'silat'

Sumber Sudirman AM. *et al.* (2005:49).

Jadual 1b Korespondensi unsur bunyi bahasa Semende dan BL.

Bahasa Semende	Bahasa Lampung	Unsur Bunyi		Glos Bahasa Indonesia
		Serapan	Pinjaman	
a. Pada posisi antepenul-tima terbuka [bɔburu]	[bubuRu(ou)] [bɔbuRu(eu)]	[u] [ə]	- -	'berburu' 'berburu'
b. Pada posisi antepenul tima tertutup [hɔmbuwe] [əmbələh]	[hambuwa] [ambolah]	[a] [a]	- -	'abu' 'membelah'
c. Pada posisi awal [ØakaR]	[wakaʔ] [bakaʔ]	[w] [b]	- -	'akar' 'akar'
d. Pada posisi antarvokal [empay] [sempit]	[appay] [seppit]	[pp] [pp]	[ampay] [səmpit]	'baru' 'sempit'

Sambungan Jadual 1b

Bahasa Semende	Bahasa Lampung	Unsur Bunyi		Glos Bahasa Indonesia
		Serapan	Pinjaman	
e. Pada posisi akhir [liyut]	[liyəR] [liyoX]	[R] [X]	[liyut]	'licin' 'licin'
f. Pada posisi penultima terbuka [təloR] [ulaR]	[taluy] [olay]	[a] [o]	[təluɣ] [ulay]	'telur' 'ular'
g. Pada posisi penultima tertutup [sempit]	[sompit] [səppit] [sumpit]	[o] [ə] [u]	- - -	'sempit' 'sempit' 'sempit'
h. Pada posisi ultima terbuka [jəmə] [diyə]	[jimou] [ØoyE]	[ou] [E]	- -	'orang' 'dia'
i. Pada posisi ultima tertutup [tətaʔ] [indon]	[tətOʔ] [induy] [i(ə)ndUʔ]	[O] [u] [U]	- - [ondOʔ]	'potong' 'ibu' 'ibu'

Sumber Sudirman AM. *et al.* (2005:50).

Jadual 1c Korespondensi unsur bunyi bahasa Ogan dan BL.

Bahasa Ogan	Bahasa Lampung	Unsur Bunyi		Glos Bahasa Indonesia
		Serapan	Pinjaman	
a. Pada posisi antepenultima terbuka [bəburu]	[bubuRu(ou)]	-	[bəbuRu]	'berburu'
b. Pada posisi awal [sapE]	{Øappou} [Øapo]	-	[sapE] [sapa(o)]	'siapa' 'siapa'
c. Pada posisi antarvokal [paraʔ] [Øiduŋ]	[paRaʔ] [hiRuŋ] [ØiXuŋ] [hiyuŋ]	[R] [R] [X] [y]	[parOʔ] - - -	'dekat' 'hidung' 'hidung' 'hidung'
d. Pada posisi akhir [ekor] [bərat]	[ikuy] [biyaʔ]	[y] [y]	- [biyat]	'ekor' 'berat'

Sambungan Jadual 1c

Bahasa Ogan	Bahasa Lampung	Unsur Bunyi		Glos Bahasa Indonesia
		Serapan	Pinjaman	
e. Pada posisi penultima terbuka [tuwE] [Øijau] [Øiya]	[təha] [hujou(au)] [ØoyE]	[ə] [u] [o]	[tuha] - [Øiya(o)]	'tua' 'hijau' 'ia'
f. Pada posisi penultima tertutup [səmpit] [əmpay]	[sumpit] [sompit] [əmpay] [əmpay]	[u] [o] [ə] [ə]	[səppit] - - -	'sempit' 'sempit' 'baru' 'baru'
g. Pada posisi ultima terbuka [Øabu] [Øijau]	[Øabeu] [hijou]	[eu] [ou]	[(h)abu] [hujau]	'abu' 'hijau'
h. Pada posisi ultima tertutup [asap] [tun̄kat]	[asəʔ] [tukkəʔ]	[ə] [ə]	[asaʔ] [tun̄kat]	[asap] [tongkat]

Sumber Sudirman AM. *et al.* (2005:51).

Secara kualitatif, telah diperoleh hasil pembuktian mengenai kekerabatan BL dan BM yang ditandai oleh kemiripan-kemiripan antarfonem dan leksikon BL dan BM. Kemiripan-kemiripan itu dapat dibuktikan daripada unsur bunyi serapan analogi, dan unsur pinjaman.

Berdasarkan perhitungan daripada instrumen 200 kata dasar Swadesh yang diaplikasikan pada BM (Minangkabau, Semende, dan Ogan) dan BL sebagai bahasa kerabat dekat yang berbatasan atau bersentuhan langsung diperoleh hasil peratusan seperti yang berikut:

Jadual 2 Hasil peratusan unsur bunyi serapan dan pinjaman BL daripada BM.

Bil.	Bahasa Melayu (BM)	Unsur Serapan Dalam Peratus	Unsur Pinjaman Dalam Peratus	Jumlah Peratus
01.	B. Minangkabau*	55 %	4.5 %	59.5 %
02.	B. Semende	36.5 %	9 %	45.5 %
03.	B. Ogan	31.5%	9 %	40.5 %
Σ	Jum. Rata-rata BM	41 %	7.5 %	48.5 %

Sumber Sudirman AM. (2005:52; 2006:306).

Unsur bunyi serapan dan pinjaman BL daripada BM (Minangkabau, Semende, dan Ogan), setelah diteliti, peratusan unsur bunyi serapan analogi BL daripada bahasa Minangkabau mencapai 55% dan unsur pinjaman 4.5 %. Unsur bunyi serapan analogi BL daripada bahasa Semende mencapai 36.5 % dan unsur pinjaman sembilan peratus. Sedangkan unsur bunyi serapan analogi BL daripada bahasa Ogan mencapai 31.5 % dan unsur pinjaman sembilan peratus.

Hubungan kontak bahasa dan budaya BM dan BL di atas jumlah angka puratanya ialah 48.5%. Angka purata tersebut setelah dilakukan uji-persamaan *Leksikostatistik*, hasilnya diperlihatkan oleh hubungan kekerabatan BM dan BL sebagai bahasa kerabat. Status hubungan kekerabatan BM dan BL mempunyai fungsi dan kedudukannya yang tersendiri: BL bukan bahagian daripada BM. Pembuktian yang masih bersifat hipotesis ini perlu diuji kembali dengan data linguistik hasil deskripsi diakronik fonem-fonem bahasa Minangkabau, Semende, Ogan, dan Lampung.

Pembuktian *perubahan sekunder* BM tersebut dilakukan untuk menentukan unsur BL itu sendiri, dan unsur BL yang sudah dipengaruhi oleh faktor luaran, sebagai upaya untuk menjawab isu daripada para ahli bahawa BL sebagai bahagian BM. Di samping itu, secara historis, ada kecenderungan penutur BL menggunakan BM akibat pengaruh ekspansi Sriwijaya dan Pagaruyung masa silam. Di sisi lain, di Lampung banyak ditemukan prasasti yang menggunakan BM kuno, maka oleh para ahli BL disebut sebagai BM tua dengan dalih hubungan kekerabatannya dengan BM sudah terlalu jauh yang ditandai oleh penggunaan data sekunder, dan hasil perhitungan leksikostatistik yang rendah, yakni 39.9 % (Dyen, 1965:26).

Secara empirik, dapat dibuktikan bahawa penutur bilingualisme BL lebih cenderung menggunakan BM terhadap rakan tutur di luar etniknya, terutama di daerah perbatasan geografi antara daerah pentadbiran Provinsi Lampung dan Sumsel. Pengaruh BM begitu kuat sehingga penutur BL banyak yang menjadi malu dan kurang optimum dalam menggunakan bahasanya sendiri, kerana BM sebagai bahasa yang lebih penting di samping sebagai bahasa pusat kebudayaan, juga sebagai bahasa lingua franca di seantero Nusantara ini.

Sedangkan substansi sebaran unsur BL yang tetap bertahan, kadar sejumlah 51.5% yang diperlihatkan oleh varian unsur bunyi BL. Substansi unsur BL yang mempunyai kadar 51.5% ini diperoleh melalui rekonstruksi dalaman antarsatuan leksikon antara TP BL. Unsur-unsur bunyi BL yang

bervariasi itu dapat diperikan, misalnya pada posisi awal leksikon ada varian unsur bunyi, misalnya pada posisi awal leksikon terjadi varian unsur bunyi [R~R~X], [R~X~Ø], [h~Ø], [o~Ø], [i~i~e].

Contoh varian unsur bunyi [R~R~X]:

[Riyu? ~ Raiyu? ~ Xiyu?] ‘awan’
 [Rədi? ~ Ridi? ~ Xədi?] ‘dekat’
 [Raŋuh ~ Raŋo(e)h ~ Xaŋuh] ‘ompong’

Contoh varian unsur bunyi [R~X~Ø]:

[R(X)uwa ~ ØØwou ~ Øuwou ~ ØØwo] ‘dua’
 [R(X)uwE ~ ØØwou ~ Øuwou ~ ØØwo] ‘dua’

Contoh varian unsur bunyi [h~Ø]:

[huRun ~ ØuRun] ‘ikan gabus’
 [huXun ~ ØuXun] ‘ikan gabus’
 [huwun ~ Øuwun] ‘ikan gabus’

Contoh varian unsur bunyi [o ~ Ø]:

[oñi ~ Øño] ‘apa’
 [oñi ~ Øñou] ‘apa’

Contoh varian unsur bunyi [i ~ i ~ e]:

[iko? ~ ika?] ‘ikat’
 [iko? ~ eko?] ‘ikat’

Pada posisi antarvokal pula terjadi varian unsur bunyi [R~X~w], [nt~tt], [mp~ pp], [pp~mp], [dd ~nd], [ŋk~ kk]. Contohnya:

Varian unsur bunyi [R~X~w]:

[huRi? ~ huXi(e)? ~ huwi?] ‘hidup’
 [tuRUy ~ tuXUy] ~ tuwUy] ‘tidur’
 [huRun ~ huXun] ~ huwun] ‘ikan gabus’

Varian unsur bunyi [nt~tt]:

[bintOX ~ bittoX] ‘betis’
 [bintOR ~ bəttOR] ‘betis’
 [mantu ~ mattu] ‘menantu’

Varian unsur bunyi [mp~ pp]:

[kəd**impu** ~ kəd**ippu**] 'ibu jari'
[l**ampuŋ** ~ l**appuŋ**] 'lampung'

Varian unsur bunyi [pp~mp]:

[**appay** ~ **ampay**] 'baru'
[**sappay** ~ **sampay**] 'tiba'

Varian unsur bunyi [dd~nd]:

[l**idduŋ** ~ l**induŋ**] 'belut'
[**udduh** ~ **unduh**] 'unduh'

Varian unsur bunyi [ŋk~kk]:

[lu**ŋkuŋ** ~ lu**kkuŋ**] 'kerongkongan'
[tu**ŋku** ~ tu**kku**] 'tungku'

Pada posisi akhir sebelum jeda terjadi varian unsur bunyi [R~X], [X~R], [y~ʔ], [ʔ~Ø] seperti contoh yang berikut:

Varian unsur bunyi [R~X]:

[gugo**R**~gugo**X**] 'jatuh'
[gogo**R**~gogo**X**] 'jatuh'

Varian unsur bunyi [X~R]:

[kawo**X**~kawo**R**~kawo**R**~kawo**R**] 'aur'

Varian unsur bunyi [y~ʔ]:

[indu**y**~indu**ʔ**~əndu**ʔ**~ondo**ʔ**] 'ibu'

Varian unsur bunyi [ʔ~Ø]:

[iwa**ʔ**~iwa**Ø**~iwo**Ø**] 'ikan'

Pada posisi antepenultima terbuka terjadi varian unsur bunyi [a~ə]:

Varian unsur bunyi [a~ə]:

[t**ahappuŋ**~t**əhappuŋ**~t**əRappuŋ**~t**əpapaŋ**] 'mengapung'

[ŋabəlah~ŋəbəlah~ŋəpəpuʔ] ‘membelah’

Pada posisi penultima terbuka terjadi varian unsur bunyi [o~ə], [o~o~ə]:

Varian unsur bunyi [o~ə]:

[kəni~kəni(ey)] ‘beri’

[dəŋi~dəŋi(ey)] ‘mendengar’

Varian unsur bunyi [o~o~ə]:

[həŋlOu~həŋlau~həŋlau] ‘baik’

[Rəniʔ~RəŋEʔ~Rəniʔ~Xəniʔ] ‘kecil’

Pada posisi penultima tertutup terjadi varian unsur bunyi [o~a~i], [a~ə~u]:

Varian unsur bunyi [o~a~i]:

[əmbau~ambau~imbau] ‘bau’

Varian unsur bunyi [a~ə~u]:

[kəmbəŋ~kəmbəŋ~kumbəŋ] ‘bunga’

[əmbay~əmbay~umbay] ‘nenek’

Pada posisi ultima terbuka terjadi varian unsur bunyi [i~o~ou], [i~i~ey~ay], [a~o~ou~eu~E], [a~o~ou~E], [u~ou~eu]:

Varian unsur bunyi [i~o~ou]:

[əŋi~ŋə~ŋou] ‘apa’

Varian unsur bunyi [i~i~ey~ay]:

[dəbiŋi~dəbiŋi~dəbiŋey~dəbiŋay] ‘malam hari’

Varian unsur bunyi [a~o~ou~eu~E]:

[nuwa~nuwə~nuwou~nuweu~nuwE] ‘rumah’

[haga~hagə~hagou~hageu~hagE] ‘ingin’

Varian unsur bunyi [a~o~ou~E]:

[mata~matə~matou~matE] ‘mata’

[buh**a**~buh**o**~buh**ou**~buh**E**] ‘buaya’

Varian unsur bunyi [u~ou~eu]:

[puñ**u**~puñ**ou**~puñ**eu**] ‘ikan’

[puñ**u**~puñ**ou**~puñ**eu**] ‘tangan’

Pada posisi ultima leksikon terjadi varian unsur bunyi [a~e~O], [u~U~ou~ua], [o~ə], [i~i~e~ie], [i~ie~ia]:

Varian unsur bunyi [a~e~O]:

[sə**ma**?~sə**me**?~sə**mO**?] ‘hutan’

Varian unsur bunyi [u~U~ou~ua]:

[bul**u**ŋ~bul**U**ŋ~bul**ou**ŋ~bul**ua**ŋ] ‘daun’

Varian unsur bunyi [o~ə]:

[kuñ**o**y~kuñ**ə**R~kunj**ə**R] ‘kuning’

Varian unsur bunyi [i~i~e~ie]:

[ba**Ri**h~ba**Xi**h~ba**Re**h~ba**Ri**eh] ‘lain’

Varian unsur bunyi [i~ie~ia]:

[cupi**i**ŋ~cupi**ie**ŋ~cupi**ia**ŋ] ‘telinga’

Begitu juga pada aspek morfologi BL dijumpai varian fonem pada prefiks, sufiks, konfiks, dan duplikasi sebagai yang berikut:

Prefiks {bE~bə~ba~bu-} “ber-”, {tE~tə~ta~ti-} “ter-”, {mə~mE-} “me-”, {ma~mu~mE-} “me-”, {ŋa~ŋə-} “me-”, dan prefiks {N-> {m~^am-} “me-”.

Sufiks terdapat pada pasangan {-kən~ko(n) ~-on} “-kan”, dan {-na~ni~nou} “-nya”.

Konfiks {pEŋ-an~paŋ-an~pəŋ-an~puŋ-an} “pe-an”, {ŋE-kon ~ŋə-kon~ŋə-kən~ŋE-ko~ŋə-ko} “me-kan”, dan {kə-an~ka-an} “ke-an”.

Afiks Gabung {ŋə-i ~ŋa-i} “me-i”, {di-kən~di-ko(n)} “di-kan”, dan

{di-i-ti-i} “di-i”.

Reduplikasi {ŋE(ə,a)-®-i} “me-i”, {ŋE(ə,a)-R-kən/ ko(n)} “meN-R-kan”.

Perbezaan varian leksikal untuk ungkapan satu makna yang paling sedikit ialah dua varian dan yang paling banyak ialah tujuh varian leksikal. Daripada keragaman varian leksikal tersebut, setelah dihitung berdasarkan ketentuan dan kriterianya, telah dihasilkan empat kelompok isolek, ada yang berstatus perbezaan dialek, subdialek, perbezaan bicara, dan tidak ada perbezaan.

Setelah dilakukan analisis isolek BL secara kualitatif, isolek BL ditemukan sejumlah enam dialek fonologis, sembilan varian fonem, delapan varian fonem pada afiks, dan tujuh varian leksikon.

Berdasarkan analisis kualitatif, dialek-dialek BL ditentukan oleh batas isoglos, baik berupa dialek fonologis, varian fonem pada semua posisi leksikon, varian fonem pada afiks, mahupun varian leksikon antara TP. Secara kuantitatif, diperlihatkan oleh hasil perhitungan dialektometri ada empat pengelompokan isolek, yaitu perbezaan dialek, subdialek, bicara, dan tidak ada perbezaan. Pengelompokan yang disajikan dalam analisis kuantitatif ini ialah isolek yang berstatus dialek dan subdialek.

Berdasarkan tinjauan diakronik dengan cara deduktif terhadap BL, ditemukan unsur-unsur retensi dan inovasi fonem-fonem BL yang merupakan refleksi *PAN, fonem-fonem itu masih dijumpai dalam BL. Sebagai contoh, misalnya *ə > ə sebagai retensi, dan *ə > a, u sebagai inovasi. Refleksi *ə > ə, a, u merupakan refleksi yang mengalami pengembangan inovasi; *u > u sebagai retensi, dan *u > U, ou, ua sebagai inovasi. Refleksi *u > u, U, ou, ua merupakan refleksi yang mengalami pengembangan inovasi. *PAN merefleksikan fonem konsonan homorgan dan geminasi, sehingga dijumpai *nt > nt sebagai retensi, *nt > tt sebagai inovasi; begitu juga *ŋk > ŋk sebagai retensi, dan *ŋk > kk sebagai inovasi. Selain itu, ditemukan pula *R > R sebagai retensi, dan *R > X sebagai inovasi. Refleksi *R > R, X merupakan refleksi yang mengalami pengembangan inovasi.

Berdasarkan tinjauan diakronik yang dilakukan secara deduktif pada bahasa Minangkabau, Semende, Ogan, dan Lampung, ditemukan sebaran refleksi *PAN berupa fonem retensi dan inovasi. Setelah dikenalpastikan fonem-fonem pada bahasa-bahasa itu, dihasilkan deskripsi fonem konsonan, vokal, dan diftong diakronik turunan daripada bahasa induknya, *PAN.

Refleksi *PAN pada fonem-fonem itu, dijumpai kemiripan-kemiripan fonem BM dan BL. Daripada kemiripan-kemiripan yang diperlihatkan oleh perubahan fonem yang teratur itu, fonem-fonem yang sama dikelompokkan. Pengelompokan fonem-fonem bahasa Minangkabau, Semende, dan Ogan sebagai BM yang setara dengan BL, ada yang berwujud retensi bersama, dan inovasi bersama. Retensi bersama atau inovasi bersama pada kedua-dua bahasa itu seperti pada contoh:

- (a) *PAN *uy > i inovasi bersama dalam BM, *uy > uy retensi dalam BL;
- (b) *R(r) > R(r) retensi bersama dalam BM, *R(r) > y inovasi dalam BL.

Buktinya, BM dan BL ialah subkumpulan bahasa turunan daripada proto bahasanya. Pembuktian ini *memberikan sokongan* terhadap hasil perhitungan kuantitatif Leksikostatistik sebelumnya, iaitu BM dan BL merupakan bahasa kerabat.

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil analisis dalam penelitian ini, dapatlah disimpulkan bahawa akibat hubungan kontak bahasa dan budaya antara penutur BL dan BM sebagai bahasa yang berkerabat, BL banyak menyerap dan meminjam fonem dan leksikon BM sehingga menghasilkan banyak kemiripan fonem dan leksikon BL dan BM. Penutur BM lebih mendominasi pengaruh pengembangannya terhadap penutur BL. Akibatnya, penutur BL menjadi penutur bilingualisme. Dapatan penelitian ini juga membuktikan hubungan kekerabatan BL dan BM berada pada taraf status hubungan bahasa kerabat. Status hubungan kekerabatan BM dan BL yang berada pada paras bahasa kerabat itu membuktikan BM dan BL mempunyai fungsi dan kedudukannya yang tersendiri, BL bukan sebagai bahagian daripada BM. Selain kecenderungan penutur BL menggunakan BM/Indonesia, juga akibat pengaruh pengembangan Sriwijaya masa silam di Lampung banyak ditemukan prasasti yang menggunakan BM kuno, maka oleh para ahli BL disebut sebagai BM tua dengan dalih hubungan kekerabatannya dengan BM sudah terlalu jauh, yang ditandai oleh hasil perhitungan leksikostatistik yang rendah, yakni 39.9 % (Dyen, 1965:26). Yang patut diakui mengenai substansi unsur BL itu sendiri masih ada dan tetap bertahan, bukan bahagian daripada BM.

RUJUKAN

- Arikunto, Suharsimi, 1985. *Prosedur Penelitian: Suatu Pendekatan Praktik*. Jakarta: Bina Aksara.
- Ayatrohaedi, 1983. *Dialektologi: Sebuah Pengantar*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Ayatrohaedi, 1997. *Pemetaan Bahasa: Asas, Teknik, dan Manfaat*. Jakarta: Tim Penelitian dan Kekeabatan Bahasa Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Chambers dan Peter Trugill, 1990. *Dialektologi*. Diterjemah oleh Annuar Ayub. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crowley, Terry, 1987. *An Introduction to Historical Linguistics*. Papua New Guinea: University of Papua New Guinea Press University of the South Pacific.
- Danie, Julianus Akun, 1991. *Kajian Geografi Dialek di Minahasa Timur Laut*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Dyen, Isodore, 1965. *A Lexicostatistical Classification of the Austronesian Language*. Bloomington, Indiana: Indiana University
- Fernandez, I.Y., 1992. "Dialektologi". Yogyakarta: FPBS -IKIP Sanata Dharma
- Fernandez, I.Y., 1993. "Dialektologi Sinkronik dan Diakronik Sebuah Pengantar" Yogyakarta: Minat Utama Linguistik Program Studi Sastra Indonesia dan Jawa PPS UGM
- Fernandez dan Sudirman AM, 2001. "Status Isolek Komering dalam Kelompok Bahasa Lampung" dlm. *Bahasa dan Budaya Austronesia: Kumpulan Makalah Seminar*. Denpasar – Bali: Panitia Seminar PPS Universitas Udayana.
- Foley, W.A., 1983. "Language Atlas of Sumatra" dlm. Wurm, S.A., dan Hattori, Shiro, (ed.) *Language Atlas of Asia Pacific Area*. Canberra: Australian Academy of the Humanities in Collaboration with Japan Academy, and assisted by the Department of Linguistics and of Human Geography, The Research School of Pacific Studies: The Australian National University.
- Gunarwan, Asim, 1968. "The Lampung Language: Phonemic Analysis and Its Application to Teaching English". Malang: IKIP Malang
- Gunarwan, Asim, 1999. "Bahasa Daerah Semakin Terdesak: Bahasa Lampung" dlm. *Harian Kompas*, 9 September 1999.
- Hadikusuma, Hilman, 1976. *Sastra dan Budaya Lampung*. Teluk Betung: Universitas Lampung.
- Hadikusuma, Hilman, 1988. *Bahasa Lampung*. Jakarta: Penerbit Fajar Agung.
- Hadikusuma, Hilman, 1989. *Masyarakat dan Adat Budaya Lampung*. Bandung: CV Mandar Maju.
- Junaiyah, 1984. "Fonologi Bahasa Lampung Dialek O" dlm. *Linguistik Indonesia MLI Seri Nusa Volume 3*. Jakarta: Badan Penyelenggara Seri Nusa.
- Junaiyah, dan Sukesu Adiwinata, 1984. *Kamus Lampung-Indonesia*. Jakarta:

- Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Junaiyah, 1993. "*Pronomina Dialek Lampung Abung*". Jakarta: Tesis PPS Universitas Indonesia.
- Junaiyah, 1999. "*Upaya Penyelamatan Bahasa Lampung di Lampung*". Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Kerlinger, Fred N., 1998. *Asas-Asas Penelitian Behavioral*. Diterjemah oleh Sumatupang, Landung R. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Lauder, Multamia RMT, 1990. *Pemetaan dan Distribusi Bahasa-Bahasa di Tangerang*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Lauder, et al., 2000. *Penelitian Kekerabatan dan Pemetaan Bahasa-Bahasa Daerah di Indonesia: Provinsi Nusa Tenggara Timur*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan Nasional.
- Mahsun, 1995. *Dialektologi Diakronik: Sebuah Pengantar*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press
- Nadra, 1997. "*Geografi Dialek Bahasa Minangkabau*". Disertasi PPS UGM Yogyakarta.
- Nothofer, B., 1987. "Cita-Cita Penelitian Dialek" dlm. *Jurnal Pembinaan dan Pengembangan Bahasa*, 31:2. Kuala Lumpur: Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.
- Nothofer, B., 1996. "Dialek Kampung Ayer dalam Perbandingan dengan Dialek/Bahasa Austronesia Barat yang Lain". Makalah untuk Simposium Kampung Ayer di Bandar Sri Begawan, Brunei Darussalam. Jerman: Universitas Frankfurt.
- Petyt, K.M., 1980. *The Study of Dialect: An Introduction to Dialectology*. London: Andre Deutsch Limited
- Rianom, Amin, 1967. *Some Transformations in Koming*. Malang: IKIP Malang
- Royen, JW Van, 1930. *Nota over de Lampoengsche Merga's*. Batavia: TBG Bruining dan Wijt
- Samarin, W.J., 1988. *Ilmu Bahasa Lapangan*. Diterjemah oleh J.S. Badudu. Yogyakarta: Kanisius.
- Schroter, Richard, 1937. "*Versuch einer grammatischen Auslegung des Koming-Dialektes der Lampung-Sprache*". Dissertation zur Erlangung der Doktorwürde der Philosophischen Fakultät der Hansischen Universität Hamburg.
- Sudaryanto, 1993. *Aneka Konsep Kedataan Lingual Data Linguistik*. Yogyakarta: Duta Wacana University Press.
- Sudirman AM, 1999. "*Geografi Dialek Bahasa Lampung Koming Ulu di Wilayah Kabupaten OKU Sumatera Selatan*". Tesis PPS UGM Yogyakarta.
- Sudirman AM, et al., 2005. "Hubungan Kekerabatan Bahasa Melayu dan Bahasa


- Lampung” dlm. *HUMANIORA: Jurnal Budaya, Sastra, dan Bahasa Volume 17, Nomor 1, Februari 2005*. Yogyakarta: Fakultas Ilmu Budaya Universitas Gadjah Mada.
- Sudradjat, 1987. *Bahasa dan Aksara Lampung: Kajian Sociolinguistik*. Universitas Lampung: Teknokrat.
- Trudgill, Peter, 1984. *On Dialect Social and Geographical Perspectives*. New York: Basil Blackwell Inc.
- Tuuk, H.N.van der, 1872. “*t Lampongsch en zijne tongvallen*”. *Tijdschrift in Indische Taal-, Land- En Volkenskunde Deel 18*.
- Walker, Dale, F., 1973. “*A Sketch of The Lampung Language: The Pesisir Dialect of Way Lima*”. Thesis Cornell University.
- Walker, Dale, F., 1975. “*A Lexical Study of Lampung Dialects*” dalam Verhaar JWM (ed.) *Miscellaneous Studies in Indonesian and Languages in Indonesia Part I*. Jakarta: Badan Penyelenggara Seri NUSA.
- Walker, Dale, F., 1976. “*A Grammar of the Lampung Language: The Pesisir Dialect of Way Lima*” Jakarta: Badan Penyelenggara Seri NUSA.
- Wurm, S.A., and Hattori, Shiro, 1983. *Language Atlas of the Pacific Area*. Canberra: Australian Academy of the Humanities in Collaboration with Japan Academy, and assisted by the Department of Linguistics and of Human Geography, The Research School of Pacific Studies; The Australian National University.

Daftar Lambang

[...]	=	Tanda bunyi fonetis; banyak digunakan untuk penanda
/.../	=	Tanda untuk bunyi fonem;
<...>	=	Tanda grafem;
{...}	=	Tanda untuk morfem;
(...)	=	Tanda alternatif, menyatakan atau, dalam;
“...”	=	Tanda pengutipan, dan penting;
‘...’	=	Tanda glos atau makna;
>	=	Tanda untuk menyatakan menjadi;
<	=	Tanda untuk menyatakan berasal dari;
==>	=	Tanda untuk menyatakan arah menjadi;
*	=	Untuk menandai bentuk proto atau bahasa asal/purba;
~	=	Tanda variasi antarfonem yang beralofon;
≈	=	Tanda korespondensi antarfonem yang beralofon;
Ø	=	Tanda fonem alofon zero (= kosong);
/	=	Tanda menunjukkan tempat terjadinya perubahan bunyi;
#-	=	Tanda posisi awal leksikon;
#V-V#	=	Tanda posisi antarvokal leksikon;
#K-K#	=	Tanda posisi antarkonsonan leksikon;
-#	=	Tanda posisi akhir leksikon
#V-	=	Tanda posisi (ante)penultima yang fonem awalnya vokal;
#K-	=	Tanda posisi (ante) penultima yang fonem awalnya konsonan;
-V#	=	Tanda posisi ultima terbuka;
-K#	=	Tanda posisi ultima tertutup;

LAMPIRAN 2

Peta Dasar dan Daerah Titik Pengamatan (TP) Bahasa Lampung






Lokasi TP:

- | | |
|----------------------|--------------------------|
| TP 1 Kayu Agung; | TP 16 Teluk Betung; |
| TP 2 Lampuing; | TP 17 Kelianda; |
| TP 3 Mesuji; | TP 18 Jabung; |
| TP 4 Cempaka; | TP 19 Labuhan Maringgai; |
| TP 5 Buay Madang; | TP 20 Sekampong Udik; |
| TP 6 Martapura 1; | TP 21 Sukadana; |
| TP 7 Martapura 2; | TP 22 Natar; |
| TP 8 Lengkadang; | TP 23 Tegineneng; |
| TP 9 Damarpura; | TP 24 Gunung Sugih; |
| TP 10 Muara Dua; | TP 25 Abung Selatan; |
| TP 11 Banding Agung; | TP 26 Abung Barat; |
| TP 12 Liwa; | TP 27 Abung Timur; |
| TP 13 Krui; | TP 28 Sungkay Selatan; |
| TP 14 Kota Agung; | TP 29 Way Kanan; |
| TP 15 Way Lima; | TP 30 Tulang Bawang. |

LAMPIRAN 3


Hasil Perhitungan Dialektometri Varian Isolek BL (Dialek dan Subdialeknya)



-  = Dialek BL
-  = Subdialek BL

LAMPIRAN 4

Hasil Perhitungan Dialektometri Uji Beza Leksikon Bahasa Lampung




Keterangan:

- 1. Perbedaan Bahasa =
- 2. Perbedaan Dialek =
- 3. Perbedaan Subdialek =
- 4. Perbedaan Wacara =
- 5. Tidak ada perbedaan =

Distribusi Bahasa Lampung: Aspek Fonologi di Sumbagsel

Variasi Fonologis:
Pada posisi ultima terbuka BL
[a] ~ [o] ~ [ou] ~ [eu] ~ [E]



- Leksikon 1 cawa ~ cawo ~ cawou ~ caweu ~ cawE kata/ucap
- Leksikon 2 siwa ~ siwo ~ siwou ~ siweu ~ siwE 'sembilan'
- Leksikon 3 haga ~ hago ~ hagou ~ hageu ~ hagE 'ingin'

Sumber: Peta yang menggunakan kerangka dasar Van der Tuuk dan Royen (Sudirman, 1999:173) yang disesuaikan dengan fakta BL 2001 (Hasil Pengamatan Sudirman Juli 2001).